

Jika PAS sedia buktikan tuduhan

MAHATHIR SANGGUP BERHENTI

OLEH ZAINUDDIN MAIDIN

SUNGAI PETANI 21 April — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan hari ini beliau sanggup meletakkan jawatan sekiranya PAS sedia membuktikan tuduhan mengatakan beliau ada berkata "orang-orang Melayu akan mundur selagi mereka menganut agama Islam".

Dr. Mahathir memberitahu satu perhimpunan ramai meraikannya oleh UMNO Bahagian Sungai Petani di sini bahawa pemimpin-pemimpin PAS mengatakan beliau menyebutkan demikian dalam buku 'Malay Dilemma'nya yang diharamkan.

yang mereka telah buat bila mereka diberi kuasa.

Oleh Dr. Mahathir ditegaskan bahawa perpaduan UMNO mestilah dikuatkan kerana kita masih perlukan kuasa.

"Masih banyak kerja-kerja yang perlu dibuat, matlamat kita belum dicapai sepenuhnya dan banyak lagi yang perlu kita bina dari sekarang untuk cucu-cicit kita yang akan datang.

Di sebelah pagi Dr. Mahathir telah berucap kepada UMNO Bahagian Padang Terap. Di perjumpaan ini, Dr. Mahathir memberitahu orang-orang PAS telah dilantik menjadi kerajaan telah melupakan orang-orang yang menyokong mereka.

Mereka telah mendakwa untuk memperjuangkan hak orang-orang Melayu tetapi sebaliknya lebih 90 peratus tanah di Negeri Kelantan telah dialih-babakan.

Dr. Mahathir mahu supaya pemimpin-pemimpin PAS mengarahkan ahli-ahlinya yang menjadi pensyarah-pensyarah di universiti-universiti membaca buku tersebut dan kemudian bersumpah di masjid untuk membenarkan apa yang dikatakan oleh pemimpin-pemimpin mereka.

Katanya, "saya sanggup meletak jawatan hari ini juga kalau perkara ini dapat dibuktikan benar.

Pembohong

Kalau tidak tertulis seperti apa yang diperkatakan maka mereka yang telah membuat tuduhan hendaklah mengaku di hadapan umum bahawa mereka sebenarnya adalah pembohong".

Olehnya ditegaskan UMNO tidak akan berkempen untuk mencari kemenangan dengan memburukkan orang lain.

Kita tidak bertanding untuk mendapat kemenangan atas keburukan PAS tetapi adalah di atas keyakinan bahawa kita dapat berkhidmat lebih baik kepada rakyat.

"Kita telah berkhidmat lebih 20 tahun dan kita telah membuktikan bahawa kita sanggup memberikan perkhidmatan pada rakyat. PAS juga pernah diberi kuasa tetapi telah menyalahgunakan kuasa yang diberikan itu malah menggunakan kuasa itu untuk kepentingan diri.

Menurut Dr. Mahathir, PAS berulang kali menyatakan bahawa menjadi tanggungjawab mana-mana kerajaan untuk memberikan pembangunan kepada rakyat tetapi tanya Dr. Mahathir apakah

Olehnya ditegaskan berdasarkan kepada apa yang telah berlaku kita yakin orang lain tidak dapat memberi khidmat yang lebih baik kepada rakyat kecuali UMNO.

"Kita bukan gila kuasa tetapi kita mahu memerintah kerana kita yakin dapat berbuat lebih baik kepada rakyat.